

**How to cite this paper:**

Tunku Badariah Tunku Ahmad, Nordin, M.S., Nordin Abd Razak, Mohd Burhan Ibrahim & Joharry Othman (2017). Pertalian antara pengalaman masteri dengan efikasi kendiri guru: Regresi-meta kajian keratan lintang. *Malaysian Journal of Learning and Instruction (MJLI)*, 14 (2), 247-269.

**PERTALIAN ANTARA PENGALAMAN MASTERI DENGAN  
EFIKASI KENDIRI GURU: REGRESI-META KAJIAN  
KERATAN LINTANG**

**(THE RELATIONSHIP BETWEEN TEACHERS' MASTERY  
EXPERIENCE AND TEACHER SELF-EFFICACY: A META-  
REGRESSION OF CROSS-SECTIONAL STUDIES)**

<sup>1</sup>Tunku Badariah Tunku Ahmad, <sup>2</sup>Mohamad Sahari Nordin,  
<sup>3</sup>Nordin Abd Razak, <sup>4</sup>Mohd Burhan Ibrahim & <sup>5</sup>Joharry Othman  
<sup>1,2,4,5</sup> *Kulliyyah of Education,*  
*International Islamic University Malaysia*  
*Kuala Lumpur, Malaysia*  
<sup>3</sup>*School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, Malaysia*

*Corresponding author: msahari@iium.edu.my*

**ABSTRAK**

**Tujuan** – Analisis-meta ini pertamanya bertujuan menentu sah kekuatan pertalian (ES) antara pengamalan masteri dengan efikasi kendiri guru. Kedua, kajian ini juga meninjau faktor moderator yang mungkin mempengaruhi ES tersebut.

**Meodologi** – Data analisis adalah bersumberkan sejumlah 26 kajian emperis terdahulu yang pada keseluruhannya melibatkan penyertaan 10,752 orang guru dengan berdasarkan kriteria pemilihan konvensional. Untuk mengesan variabel moderator, prosedur regresi-meta telah digunakan.

**Dapatan** – Keputusan analisis-meta menyokong jangkaan bahawa pengalaman masteri mempengaruhi efikasi kendiri guru secara positif. Juga, sifat sampel, instrument mengukur efikasi kendiri guru dan budaya lokasi tempat bertugas secara kolektif berperanan sebagai moderator dalam mempengaruhi kekuatan pertalian pengalaman masteri-efikasi kendiri guru.

**Signikan**-Hasil kajian menyumbangkan kepada pemahaman dan penyelidikan dalam bidang kognitif sosial dan efikasi kendiri. Seterusnya, terdapat implikasi praktikal yang wajar diambil kira oleh pembuat dan pelaksana dasar yang berkaitan dengan pembangunan professional guru.

**Kata Kunci:**Efikasi Kendiri Guru; Pengalaman Menguasai Kepakaran; Latihan Dalam Perkhidmatan; Analisis-Meta; Budaya Kerja.

## ABSTRACT

**Purpose** -The objective of the meta-analysis was first to substantiate the magnitude of the effect size (ES) of the relationship between mastery experience and teacher self-efficacy. Second, the meta-analysis was also aimed to search for the research characteristics that moderate the mastery experience-teacher efficacy relationship.

**Methodology** - A total of 26 original studies, involving 10,752 teachers was included in the meta-analysis. To identify the moderators, the study applied meta-regression procedure.

**Findings** - The results supported the expectation that mastery experience positively influences teacher self-efficacy. Collectively sample characteristic, self-efficacy measure and work culture impacted the variability of the effects size.

**Significance** - The findings add understanding about teacher self-efficacy. The findings also offer practical implications to researchers on

teacher self-efficacy, and policy maker and administrators of teacher professional development programs.

**Keywords:** Teacher Self-Efficacy, mastery experience, in-service training, meta-analysis, work culture.

# PERTALIAN ANTARA PENGALAMAN MASTERI DENGAN EFIKASI KENDIRI GURU: REGRESI-META KAJIAN KERATAN LINTANG

(*THE RELATIONSHIP BETWEEN TEACHERS'  
MASTERY EXPERIENCE AND TEACHER  
SELF-EFFICACY: A META-REGRESSION OF  
CROSS-SECTIONAL STUDIES*)

<sup>1</sup>Tunku Badariah Tunku Ahmad, <sup>2</sup>Mohamad Sahari Nordin,

<sup>3</sup>Nordin Abd Razak, <sup>4</sup>Mohd Burhan Ibrahim &

<sup>5</sup>Joharry Othman

<sup>1,2,4,5</sup> *Kulliyyah of Education,*

*International Islamic University Malaysia*

*Kuala Lumpur, Malaysia*

<sup>3</sup>*School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia,*

*Malaysia*

*Corresponding author: (msahari@iium.edu.my)*

## ABSTRAK

**Tujuan** – Analisis-meta ini pertamanya bertujuan menentu sah kekuatan pertalian (ES) antara pengamalan masteri dengan efikasi kendiri guru. Kedua, kajian ini juga meninjau faktor moderator yang mungkin mempengaruhi ES tersebut.

**Meodologi** – Data analisis adalah bersumberkan sejumlah 26 kajian emperis terdahulu yang pada keseluruhannya melibatkan penyertaan 10,752 orang guru dengan berdasarkan kriteria pemilihan konvensional. Untuk mengesan variabel moderator, prosedur regresi-meta telah digunakan.

**Dapatan** – Keputusan analisis-meta menyokong jangkaan bahawa pengalaman masteri mempengaruhi efikasi kendiri guru secara positif. Juga, sifat sampel, instrument mengukur efikasi kendiri guru dan budaya lokasi tempat bertugas secara kolektif berperanan sebagai

moderator dalam mempengaruhi kekuatan pertalian pengalaman materi-efikasi kendiri guru.

**Signifikan**-Hasil kajian menyumbangkan kepada pemahaman dan penyelidikan dalam bidang kognitif sosial dan efikasi kendiri. Seterusnya, terdapat implikasi praktikal yang wajar diambil kira oleh pembuat dan pelaksana dasar yang berkaitan dengan pembangunan professional guru.

**Kata Kunci:**Efikasi Kendiri Guru; Pengalaman Menguasai Kepakaran; Latihan Dalam Perkhidmatan; Analisis-Meta; Budaya Kerja.

## ABSTRACT

**Purpose**-The objective of the meta-analysis was first to substantiate the magnitude of the effect size (ES) of the relationship between mastery experience and teacher self-efficacy. Second, the meta-analysis was also aimed to search for the research characteristics that moderate the mastery experience-teacher efficacy relationship.

**Methodology**-A total of 26 original studies, involving 10,752 teachers was included in the meta-analysis. To identify the moderators, the study applied meta-regression procedure.

**Findings**-The results supported the expectation that mastery experience positively influences teacher self-efficacy. Collectively sample characteristic, self-efficacy measure and work culture impacted the variability of the effects size.

**Significance**-The findings add understanding about teacher self-efficacy. The findings also offer practical implications to researchers on teacher self-efficacy, and policy maker and administrators of teacher professional development programs.

**Keywords:** Teacher Self-Efficacy, mastery experience, in-service training, meta-analysis, work culture.

## PENGENALAN

Efikasi kendiri disifatkan sebagai unsur teras yang menunjangi keyakinan dan menggerakkan tingkah laku (Bandura, 1977). Menurut

Bandura, efikasi kendiri berperanan menentukan kesanggupan dan kecekalan seseorang untuk menyempurnakan tugas yang sarat dengan kesukaran dan halangan. Ia merupakan konstruk psikososial yang mempengaruhi aspirasi, matlamat dan motivasi setiap individu, termasuk guru. Malahan kini efikasi kendiri diperakukan sebagai salah satu petunjuk penting kualiti seseorang guru dan juga sesuatu sistem pendidikan. Lantas perbandingan kualiti sistem pembelajaran dan pengajaran di peringkat global turut mengukur dan menilai konstruk tersebut. Perkara ini dapat dilihat misalnya dalam kajian berkala, *Teaching and Learning International* (TALIS) yang dilakukan oleh OECD sejak 2008, di samping ujian *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) (Martin, Mullis, Foy, & Stancu, 2012).

Efikasi kendiri guru dikupas sebagai pertimbangan, ekspektasi dan keyakinan seseorang guru mengenai keupayaan dirinya mengawal suasana dan proses pembelajaran dan pengajaran (Pajares, 1992). Efikasi kendiri guru adalah konstruk mental yang mendasari keputusan dan tindak tanduk profesional seseorang guru. Guru yang mempunyai efikasi yang tinggi sanggup menerima tugas yang mencabar, tekun melaksanakannya dan sabar dengan kerja-kerja yang banyak menelan masa dan membanting kudrat (Bandura, 1977; Salomon, 1984). Guru berefikasi tinggi menilai kejayaan atau kegagalan pelajar dari sudut tindak-tanduk pembelajaran dan pengajaran yang berada dalam liputan kawalannya (Guskey, 1988; Howardson & Behrend, 2015; Tschannen-Moran, Hoy, & Hoy, 1998). Maka tidak hairanlah apabila efikasi kendiri guru mampu menggerakkan pembelajaran dan pengajaran ke aras yang lebih tinggi.

Sejak konsep ini diperkenalkan, efikasi kendiri guru semakin diberi tumpuan dalam penyelidikan mengenai keberkesanannya pembelajaran dan pengajaran. Penemuan daripada pelbagai kajian bebas tekal membuktikan bahawa efikasi kendiri guru mempengaruhi inovasi dalam pengajaran (Guskey, 1988; Ghaith & Yaghi, 1997), penilaian guru oleh rakan sejawat, penyelia dan nazir (Tschannen-Moran & Hoy, 2007) Trentham, Silvern, & Brogdon, 1985), dan komitmen kerja (Zee & Kooman, 2016). Sebaliknya, sifat ini ditemui mempunyai pertalian songsang dengan tekanan dan *burnt out* (Shoji, Cieslak, Smoktunowicz, Rogala, Benight, & Luszczynska, 2015). Guru yang melaporkan efikasi kendiri yang rendah didapati

dihambat dengan isu-isu keberkesanannya pengajaran, kepuasan dan tekanan kerja (lihat, misalnya Betoret, 2006).

Selain itu, efikasi kendiri juga mempunyai pertalian positif dengan pencapaian pelajar (Anderson, Greene, & Loewen, 1988; Klassen & Tze, 2014), motivasi pelajar (Midgley, Feldlaufer, & Eccles, 1989) dan sikap pelajar terhadap sekolah (Miskel, McDonald, & Bloom, 1983; Anderson, Greene, & Loewen, 1988; Ashton & Webb, 1986; Bandura, 1997; Yoo, 2016). Sorotan himpunan ilmu secara sistematis dan analisis-meta terdahulu mengukuhkan telahan Bandura mengenai efikasi kendiri guru (Klassen, Tze, Betts, & Gordon, 2011; Klassen & Tze, 2014; Shoji et al., 2015; Zee & Kooman, 2016).

Namun, kita tidak begitu memahami punca perbezaan tahap efikasi kendiri dalam kalangan guru (Klassen et al., 2011; Klassen & Tze, 2014; Kleinsasser, 2014; Morris et al., 2016). Walau pun data empiris mengenai faktor penentu, yang disebut sumber efikasi kendiri guru (Bandura, 1997) semakin banyak terkumpul, belum terdapat rumusan yang jelas tentang sifat dan kekuatan faktorfaktor atau sumber-sumber tersebut. Malahan terdapat penemuan kajian yang bercanggah. Di satu pihak terdapat penemuan yang menyokong impak positif pengalaman masteri—misalnya, menerusi latihan perguruan dan program pembangunan profesional guru—ke atas efikasi kendiri (Cadungog, 2015; Cantrell & Hughes, 2008). Kajian-kajian lain pula mendapati tiadanya sebarang pertalian (Yenice, 2009). Malahan terdapat juga kajian yang menemukan kesan program pembangunan profesional yang negatif (Woolfson & Brady, 2009; Yeo, 2008).

Ketidaktekalan sedemikian mungkin berpunca daripada reka bentuk penyelidikan. Kelainan makna dan pengukuran efikasi kendiri, sifat sampel, lokasi kajian yang diwarnai oleh budaya kerja yang tersendiri dan prosedur analisis data mudah menghasilkan keputusan berbeza. Maksudnya mungkin wujud variabel moderator yang turut berinteraksi dan mempengaruhi arah dan kekuatan pertalian pengalaman masteri dengan efikasi guru. Untuk itu, analisis-meta diperlukan bagi mencari dan mengenalpasti moderator tersebut bagi menghasilkan rumusan pertalian yang jelas. Pemahaman tentang faktor moderator, khususnya sifat-sifat kajian yang mempunyai kesan ke atas kekuatan pertalian itu adalah diperlukan.

Untuk menangani kekangan pemahaman, analisis-meta yang dilaporkan di sini bertujuan menggabung dan meringkaskan data daripada pelbagai kajian bagi mengenalpasti dan menilai pertalian antara efikasi kendiri guru dengan pengalaman menguasai kepakaran. Analisis-meta ini juga meneroka sifat-sifat kajian empiris lepas yang mungkin menjadi moderator pertalian kausal itu. Ini sesuai dilakukan kerana prosedur analisis-meta mampu menggabung, mencerakin dan mencerna himpunan data yang besar dan pelbagai. Dengan itu, rumusan mengenai pertalian antara pengalaman masteri dengan efikasi kendiri tidak sekadar ditentukan oleh keputusan ujian hipotesis. Pendek kata, penemuan daripada analisis-meta mempunyai tahap tentu sah yang tinggi.

Dua soalan kajian yang mendasari analisis-meta ini adalah seperti yang berikut:

1. Apakah arah dan kekuatan pertalian (ES) antara iaitu pengalaman masteri dengan efikasi kendiri guru?
2. Adakah pengalaman mengajar dalam kalangan sampel mengikut tahap sekolah, lokasi kajian dan pengukuran efikasi kendiri berfungsi sebagai faktor moderator yang mempengaruhi kekuatan pertalian antara pengalaman masteri dengan efikasi kendiri guru?

### **Sumber dan Moderator Efikasi Kendiri Guru**

Pemikiran dan penyelidikan tentang sumber atau penentu efikasi guru banyak didasari oleh teori kognitif sosial yang dipelopori oleh Bandura (1977). Bandura membayangkan terdapat empat sumber atau faktor penentu efikasi kendiri guru, iaitu pengalaman vikarius, dorongan lisan, keadaan emosi dan afektif, dan pengalaman masteri. Pengalaman vikarius bermaksud perubahan keyakinan profesional guru setelah dia memerhatikan kejayaan atau kegagalan guru lain melakukan sesuatu tugas sasaran. Dorongan lisan pula ditakrifkan sebagai galakan, pujiyan atau pujian rakan sejawat atau pihak yang berpengaruh. Keadaan emosi dan aspek afektif lain merujuk kepada keadaan psikologi guru ketika berhadapan dengan sesuatu tugas. Misalnya minat atau perasaan teruja, atau sebaliknya perasaan tertekan atau keletihan boleh mempengaruhi tahap efikasi kendiri guru. Akhir sekali, Bandura menjangkakan bahawa pengalaman masteri, iaitu pengamalan melakukan prestasi sasaran di masa-masa lepas juga mempengaruhi tahap efikasi kendiri guru.

Pengalaman masteri dikategorikan sebagai penentu efikasi yang paling dominan. Pengalaman tersebut merangsang guru untuk merenung, menilai, dan membuat jangkaan dan keputusan samada sanggup melakukan sesuatu tugas sasaran. Bandura (1977) meramalkan bahawa, “*successes raise mastery expectations; repeated failures lower them, particularly if the mishap occurs early in the course of events*” (p. 195). Maksudnya, efikasi kendiri terbina apabila guru merasa berjaya menyempurnakan tugas pedagogi sasaran (Ghanizadeh & Moafian, 2011; Ransford et al., 2009), kepuasan dengan prestasi profesionalnya (Tschannen-Moran & Hoy, 2002) dan kepuasan berkaitan hubungan profesional dengan pelajar (Yenice, 2009). Juga, pendekatan pembelajaran dan pengalaman masteri yang didapati mempunyai korelasi yang positif dengan efikasi kendiri guru (Swee-Choo, Kung-Teck, & Osman, 2012). Oleh itu, pendidikan dan program pembangunan profesional berpotensi besar membekalkan pengalaman masteri yang kekal menyegarkan efikasi kendiri guru. Kursus dalam perkhidmatan yang kaya dengan berbagai-bagai pengalaman masteri boleh meningkatkan kepakaran guru. Seterusnya mengukuh keyakinan, kesanggupan, kompetensi pedagogi, keupayaan membina ilmu yang bermakna dan kesediaan untuk memikul tugas dan tanggungjawab baru (Nordin, 2001; Ross & Bruce, 2007).

Bercanggah dengan telahan tersebut, kajian-kajian empiris jelas menunjukkan penemuan yang bercampur-campur. Kajian terdahulu banyak menerbitkan penemuan seperti yang dijangka, iaitu pengalaman masteri menghasilkan kesan positif ke atas efikasi kendiri guru. Namun, banyak juga penemuan lain yang membuktikan tidak wujudnya perkaitan yang signifikan; malah terdapat pertalian songsang antara pengalaman masteri dengan efikasi kendiri guru. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh sifat-sifat yang berbeza antara kajian, baik daripada segi reka bentuk, sampel kajian, instrumen mengukur efikasi kendiri guru dan juga budaya kerja guru di lokasi yang berlainan. Semua ini berpotensi berperanan sebagai moderator yang berinteraksi mempengaruhi pertalian pengalaman masteri-efikasi kendiri guru.

Satu daripada sifat kajian yang berpotensi berfungsi sebagai moderator ialah sifat sampel kajian. Sampel yang terdiri daripada responden yang mempunyai pengalaman yang luas dan pelbagai mampu menghasilkan tahap efikasi kendiri yang tinggi (lihat

misalnya, Soodmand, Rahimi, Ghonchehpourc, & Saedpanahc, 2015). Kepelbagaiannya pengalaman mengajar di beraneka jenis dan peringkat sekolah seharusnya meningkatkan efikasi kendiri guru. Selain kepelbagaiannya pengalaman, pengalaman masteri-efikasi kendiri guru juga turut bergantung pada budaya kerja (Klassen et al., 2011; Oettingen, 1995; Pajares, 2007; Torres, 2016). Dalam kalangan guru yang bertugas di lokasi yang budayanya bersifat kolektivis, iaitu yang dikatakan wujud dalam kalangan guru di benua Asia, budaya kekitaan adalah tinggi dan ini mengukuhkan pertalian antara pengalaman masteri dengan efikasi kendiri. Sebaliknya oleh sebab guru-guru di negara barat lebih mengutamakan norma, ekspektasi dan amalan individualistik, maka faktor budaya mungkin tidak mempengaruhi atau mempunyai kesan negatif ke atas kekuatan pertalian (Oettingen, 1995).

## KAEDAH ANALISIS-META

Tinjauan ke atas kajian kuantitatif ini menggunakan pendekatan analisis-meta. Data yang dianalisis-meta adalah bersumberkan laporan-laporan kajian terdahulu yang memenuhi kriteria saringan dan pemilihan yang dibentangkan seperti berikut.

### Kriteria Saringan Memilih Kajian Untuk Analisis-Meta

Analisis-meta ini menggunakan tujuh kriteria yang dicadang oleh Lipsey dan Wilson (2001) untuk menentukan samada sesuatu kajian empiris tertentu dipilih atau tidak dipilih. Pertama, setiap kajian mesti melaporkan pertalian kuantitatif antara pengalaman menguasai kepakaran dengan efikasi kendiri guru. Kedua, sampel kajian mesti terdiri daripada guru yang bertugas di sekolah, iaitu samada di sekolah rendah atau sekolah menengah. Ketiga, kajian hanya diterima untuk dianalisis-meta jika terdapat pengukuran yang jelas bagi pengalaman penguasaan kepakaran jelas diukur (contohnya, kursus dalam perkhidmatan; kepuasan mengajar) dan petunjuk efikasi kendiri guru (misalnya, efikasi pengajaran; efikasi menggunakan strategi pengajaran). Keempat, kajian itu mesti mempunyai maklumat yang cukup bagi membolehkan kekuatan pertalian dirumus, iaitu magnitud atau kekuatan kesan (ES) pengalaman menguasai kepakaran. Kelima, hanya kajian-kajian yang dilaporkan dalam bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris yang

diteliti. Keenam, kajian diambilkira jika diterbitkan selepas tahun 1977, iaitu setelah Bandura memperkenalkan konsep efikasi kendiri. Akhir sekali, untuk menangani isu kesan *file-drawer*, analisis-mata ini meneliti semua laporan samada yang diterbit dan juga yang tidak diterbitkan dalam jurnal berwasit.

Variabel kriterion, iaitu angkubah bergantung dalam analisis-mata ini ialah efikasi kendiri guru yang ditakrifkan sebagai kesanggupan atau keyakinan guru dengan keupayaan dirinya menggubal dan melaksanakan tugas-tugas mengajar (Bandura, 1997). Definisi ini meliputi konstruk-konstruk yang diukur menerusi efikasi pengajaran peribadi (Gibson & Dembo, 1984), keyakinan diri dalam pengajaran (Van Acker, 2013), efikasi kendiri dalam tugas-tugas tertentu, misalnya dalam hal mendapatkan penyertaan pelajar, mengurus kelas, dan menggunakan strategi-strategi pengajaran (Tschannen-Moran & Hoy, 2001), keyakinan mengajar sains (Riggs & Enochs, 1990), dan pengajaran inklusif (Sharma, Loreman, & Forlin, 2012). Dua konstruk lain yang berkaitan, iaitu efikasi umum mengajar (*general teaching efficacy*; Gibson & Dembo, 1984) and efikasi kolektif guru (*collective teacher efficacy*; Goddard, Hoy, & Hoy, 2000) tidak diambilkira dalam analisis-mata ini. Ini disebabkan oleh makna dan pengukuran kedua-dua konstruk tersebut sarat dengan keyakinan tentang keupayaan guru secara kumpulan, dan bukan dirinya sendiri untuk mengubah pembelajaran dan pengajaran.

### **Prosedur Pencarian dan Pengkodan Laporan**

Untuk mendapatkan cakupan yang lengkap, meluas dan bebas bias, prosedur semakan sistematik dilakukan untuk mencari, menyaring dan menyimpan laporan-laporan kajian-kajian terdahulu. Prosedur ini dimulakan dengan langkah mengenalpasti kajian-kajian sasaran menerusi pencarian dalam pangkalan-pangkalan data *Education Resource Information Center* (ERIC), *ProQuest Education Journal*, *ProQuest Dissertation and Theses Global*, and *SCOPUS* menerusi carian web. Beberapa kata kunci berkaitan pengalaman masteri dan efikasi kendiri guru digunakan dalam proses mencari, iaitu: efikasi kendiri guru, efikasi peribadi guru, keyakinan diri dalam pengajaran, penguasaan kepakaran, kursus dalam perkhidmatan dan program pembangunan profesional. Kedua, rujukan-rujukan yang tersenarai dalam laporan-laporan kajian turut didaftarkan untuk analisis-mata ini.

Ketiga, satu senarai semak iaitu borang pengkodan digunakan untuk merekod maklumat yang diperlukan daripada setiap artikel yang dipilih. Borang pengkodan ini disesuaikan daripada senarai semak kajian analisis-meta terdahulu (Nordin, 1997). Kandungan borang pengkodan memperincikan definisi setiap variabel secara objektif dan jelas bagi mengurangkan ralat, kesilapan atau ketinggalan. Antara variabel konseptual dan metodologi kajian yang terkandung dalam borang ini ialah nama pengarang, tahun penerbitan, jenis penerbitan, dan tempat kajian dijalankan. Selain itu, borang ini juga digunakan untuk mengkod reka bentuk kajian, saiz dan jenis sampel, sifat penguasaan masteri, instrumen mengukur efikasi kendiri guru, dan statistik ES.

Terdapat beberapa artikel yang melaporkan lebih daripada satu variabel bergantung bagi kajian yang sama. Misalnya, tiga jenis efikasi kendiri guru kerap dilaporkan serentak, iaitu efikasi (i) menggunakan strategi pengajaran, (ii) mendapatkan penyertaan pelajar, dan (iii) mengurus kelas. Analisis-meta ini, walau bagaimanapun hanya mengambil kira satu variabel bergantung sahaja bagi mengelakkkan peningkatan ralat. Dalam keadaan ini variabel yang dipilih untuk dianalisis-meta ialah efikasi kendiri guru dalam menggunakan strategi pengajaran. Proses pengkodan dilakukan menerusi aktiviti membaca, mengesan, mencungkil dan mencatatkan maklumat dan data daripada setiap artikel yang telah disenarai pendek. Aktiviti tersebut dilakukan secara berasingan oleh dua orang penyelidik. Perbezaan catatan segera diatasi menerusi perbincangan dan persetujuan antara kedua mereka.

Daripada 16,300 artikel yang diperolehi melalui pencarian kata kunci dalam pelbagai pangkalan data, 121 laporan telah dipilih untuk diteliti. Sampel 121 laporan kajian ini mengandungi pernyataan tentang pengamalan masteri dan efikasi kendiri guru dalam abstrak kajian. Daripada jumlah tersebut, hanya 24 laporan yang memenuhi tujuh kriteria saringan yang dinyatakan terdahulu. Seterusnya mendapati bahawa 24 laporan kajian keratan lintang tersebut mengandungi 26 kajian bebas yang dapat digunakan dalam analisis-meta ini. Jumlah 26 kajian yang dipilih adalah mencukupi untuk menangani *metabias* yang merupakan ancaman utama yang berpotensi menjaskas kualiti keputusan analisis-meta (Sterne et al., 2011).

Jadual 1 menyenaraikan sifat-sifat utama kajian yang digunakan dalam analisis-meta ini. Jumlah guru yang terlibat dalam semua kajian tersebut ialah 10,752 orang, dengan purata 414 guru bagi setiap kajian. Kumpulan guru yang dikaji tergolong daripada guru sekolah rendah (13 kajian), guru sekolah menengah (enam kajian), dan campuran guru sekolah rendah dan sekolah menengah (tujuh kajian). Sementara itu, hanya lapan kajian yang dijalankan di kawasan Asia dan Asia Barat, manakala bakinya 16 kajian lain dilaporkan di negara-negara Barat, khususnya Amerika Utara.

Jadual 1

### *Kajian-Kajian Efikasi Kendiri Guru untuk Analisis-Meta*

Kajian	n	Tahun	Sekolah	Negara	Budaya	Kriterion	p
Aldridge & frase (2016)	781	2015	Menengah	Australia	Western	SkalaLain	Sig.
Britten & Lai (1998)	313	1998	Rendah	USA	Western	InstrumenSendiri	NS
Cadungog (2015)	400	2015	Menengah	Philippines	Asia	SkalaLain	Sig.
Collie et al. (2012)	664	2012	Men&Rendah	Canada	Western	TSES	Sig.
Devos et al. (2002)	110	2012	Rendah	Belgium	Western	InstrumenSendiri	NS
Ghanizadeh & Moafian (2011)	779	2011	Men&Rendah	Iran	MidEast	TSES	Sig.
Klassen & Chin (2010)	1430	2010	Rendah	Canada	Western	TSES	Sig.
Kosko & Wilkins (2009); S1	475	2009	Rendah	USA	Western	InstrumenSendiri	Sig.
Kosko & Wilkins (2009); S2	475	2009	Rendah	USA	Western	InstrumenSendiri	Sig.
Lee (2013)	79	2013	Rendah	USA	Western	SkalaLain	NS
Malinen et al. (2013)	867	2013	Men&Rendah	Finland	Western	SkalaLain	Sig.
Mohamadi (2011)	284	2011	Menengah	Iran	MidEast	TSES	Sig.
Nordin (2001)	140	2001	Menengah	Malaysia	Asian	SkalaLain	Sig.
Ransford et al. (2009)	133	2009	Rendah	USA	Western	SkalaLain	NS
Sezgin & Erdogan (2015)	600	2015	Rendah	Turkey	MidEast	TSES	Sig.
Swackhamer et al. (2009)	88	2009	Rendah	USA	Western	SkalaLain	NS
Tschannen-Moran & Hoy (2002)	170	2002	Men&Rendah	USA	Western	TSES	Sig.
Tschannen-Moran & Johnson (2007); S1	74	2007	Men&Rendah	USA	Western	TSES	Sig.
Tschannen-Moran & Johnson (2007); S2	181	2007	Men&Rendah	USA	Western	TSES	Sig.
Tschannen-Moran & Johnson (2011)	648	2011	Rendah	USA	Western	TSES	Sig.
Tweed (2013)	124	2013	Rendah	USA	Western	InstrumenSendiri	Sig.
Van Acker (2013)	1484	2013	Men&Rendah	Netherland	Western	InstrumenSendiri	Sig.
Veisi et al. (2015)	60	Jul-05	Menengah	Iran	MidEast	TSES	Sig.
Woolfson & Brady (2009)	199	2009	Rendah	UK	Western	TSES	Sig.
Yenice (2009)	139	2009	Rendah	Iran	MidEast	SkalaLain	NS
Yeo et al. (2008)	55	2008	Menengah	Singapore	Asian	TSES	NS

Nota. Keputusan, 'NS' bermaksud pertalian tidak signifikan daripada segi statistik; 'Sig.' bermaksud pertalian statistik yang signifikan.

Kebanyakan kajian yang meninjau pertalian antara pengalaman masteri dengan efikasi kendiri guru menggunakan instrumen yang diterbitkan oleh Tschannen-Moran & Hoy (*Teacher Efficacy in Instruction scale*; TSES) untuk mengukur variabel kriterion, efikasi kendiri guru. Ini diikuti oleh penggunaan instrumen lain atau yang

diadaptasi dan diterbitkan dalam kajian berkenaan. Instrumen-instrumen itu termasuklah soal selidik yang dicipta oleh Gibson dan Dembo (1984) dan Riggs dan Enoch (1990) (*Teaching Mathematics/Science Efficacy questionnaire*). Data juga menunjukkan bahawa terdapat tujuh daripada 26 kajian yang dipilih melaporkan pertalian yang tidak signifikan antara pengalaman menguasai kepakaran dengan efikasi kendiri guru.

### Prosedur Analisis

Bagi membolehkan perbandingan merentas kajian, analisis-meta ini menggunakan indeks pekali korelasi Pearson. Dalam keadaan indeks tersebut tidak dilaporkan secara jelas, statistik lain yang berkaitan dengannya diguna dan ditukarkan menjadi indeks korelasi Pearson. Indeks korelasi separa dan indeks beta turut digunakan sebagai ganti indeks korelasi Pearson (Bowman, 2012). Untuk memastikan andaian taburan lazim ES dipatuhi, analisis-meta ini turut menggunakan prosedur transformasi Fisher  $z$  ke atas korelasi Pearson menerusi perisian *Comprehensive Meta-Analysis* (CMA) versi 3. Seterusnya, untuk menguji kesesuaian model moderasi, prosedur regresi-meta telah dilaksanakan (Borenstein, Hedges, Higgins, & Rothstein, 2009).


Memandangkan bahawa data ES adalah bersumberkan berbagai-bagai kajian, analisis-meta memilih untuk menguji model kesan-rawak. Sungguhpun begitu, model kesan-tetap turut diambilkira bagi tujuan membuat perbandingan. Untuk mengukur kepelbagaiannya, iaitu heterogeniti yang disebabkan oleh ralat persampelan dan perbezaan sebenar ES, analisis-meta ini juga memeriksa statistik-statistik Chochran's  $Q$  dan  $I^2$ .

### DAPATAN ANALISIS-META

#### Kekuatan Kesan (ES) Pengalaman Menguasai Kepakaran ke atas Efikasi Kendiri Guru

Rajah 1 meringkaskan keputusan-keputusan analisis-meta pertalian antara pengalaman masteri dengan efikasi kendiri guru. Keputusan analisis mendapati bahawa min pekali korelasi yang berwajarkan saiz sample bernilai .291 dengan selang kepercayaan (CI) 95% antara .197 dengan .380; sementara nilai-z untuk ujian nol ialah 5.85,

$p = .001$ . Semua statistik ini bermaksud bahawa ES bagi pertalian pengalaman masteri dengan efikasi kendiri guru adalah positif dan bernilai lebih besar daripada sifar.



Rajah 1 Plot Hutan Pertalian Pengalaman Masteri dengan Efikasi Kendiri Guru

